

## TEKNIK PENULISAN DIALOG YANG KREATIF

### 1. PERKARA-PERKARA PENTING DIPERLUKAN DALAM DIALOG

- a) Perlu ada masalah
- b) Dialog perlu ada aksi
- c) Dialog pun boleh ada jalan penyelesaian
- d) Penulisan dialog harus secara tersirat

#### 1a) Dialog yang ada masalah cerita

Contoh negatif:

“Mak Long, saya Azira. Apa Khabar?” tegur gadis itu.

Dialog ini tiada masalah. Dialog ini tidak efektif.

Contoh positif:

“Mak Long, masih ingat saya? Mak Long kelihatan kurang sihat seperti dahulu,” tegur gadis itu sambil menyalam tangan Mak Long.

Sertakan masalah di dalam dialog dan bukan sekadar bertanya khabar seperti tertulis dalam contoh negatif.

#### 1b) Dialog perlu ada aksi

Contoh negatif:

“Abang, mana mama? Tadi Aida memimpikan Mama. Mama sihat?” aku bertanya bertalutalu.

Dialog ini efektif kerana ada masalah tetapi tiada aksi. Watak ini tidak menunjukkan pergerakan.

Contoh positif:

“Abang mana Mama? Tadi Aida memimpikan Mama. Mama sihat?” aku bertanya sambil melihat gambar ibuku yang sedang mendukung aku semasa aku bayi.

Dialog ini ada aksi yang dramatik. Watak ada menunjukkan pergerakan.

#### 1c) Penulisan dialog harus secara tersirat

Contoh negatif

“Belum mendarat lagi pesawat Farah rupanya,” beliau berkata di dalam hati.

Dialog ini terlalu terus terang

Contoh positif:

“Sudah beberapa jam menunggu di Lapangan Terbang Changi untuk Farah. Skrin informasi masih menunjukkan pesawat belum tiba lagi,” aku berkata sambil memundar-mandir di depan skrin informasi.

Dialog ditulis secara tersirat untuk menunjukkan pesawat belum tiba lagi.